

# Isu Melayu malas rekaan penjajah

BH- 3/1/2007

## Bumiputera sudah buktikan kemampuan: Najib

Laporan Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Tuduhan kononnya orang Melayu malas adalah tinggalan atau legasi penjajah yang bertujuan melemahkan dan meminggirkan bangsa daripada arus pembangunan negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, hakikat itu terbukti apabila orang Melayu sendiri sudah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang sejak negara mencapai kemerdekaan dan pencapaian itu diiktiraf masyarakat antarabangsa.

Sambil menyifatkan isu itu sudah lapuk dan tidak perlu dibahaskan kerana tidak berasas, beliau berkata orang Melayu juga sudah menguasai tampuk pemerintahan negara dan memegang banyak jawatan penting.

"Ia dibuat pada zaman penjajah dulu sebagai alasan untuk mereka mengamalkan dasar meminggirkan orang Melayu daripada arus pembangunan negara dan tidak memberi peluang untuk menjawat jawatan tinggi.

"Sebenarnya, orang Melayu sudah membuktikan sejak merdeka sehingga sekarang banyak bidang strategik di mana orang Melayu sudah berjaya untuk menguasainya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu Ketiga di sini, semalam.

Persidangan dua hari yang bertemakan "Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang" anjuran Institut

Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu dihadiri 300 peserta termasuk ahli akademik dari dalam dan luar negara.

Hadir sama ialah Naib Canselor UPSI, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata sudah tiba masanya untuk orang Melayu memperkasakan bangsa melalui pelbagai kekuatan sejajar prinsip penting Islam Hadhari bagi menyanggah stigma mitos tidak berasas kononnya orang Melayu malas.

Katanya, matlamat menjana modal insan sebagai teras bangsa terbilang itu boleh dicapai dengan tiga strategi, iaitu yang berteraskan akidah suci, ilmu pengetahuan yang mantap dan budaya kerja cemerlang.

"Justeru, peranan keluarga amat penting dalam mempertahankan akidah Islam. Setiap ahli keluarga Melayu iaitu ibu, bapa dan anak hendaklah

**“Ia dibuat pada zaman penjajah sebagai alasan mengamalkan dasar pinggirkan orang Melayu”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

mendalami ajaran Islam dan menjadikannya sebagai cara hidup," katanya.

Najib berkata, ilmu dan pendidikan pula adalah landasan kepada proses lengkap bagi membentuk tenaga kerja manusia yang berpengetahuan, berakhlak, berkemahiran dan berdaya saing.

"Justeru, segenap kaum Muslimin hendaklah bersungguh-sungguh menuntut ilmu, mendalami ilmu dunia dan akhirat. Hanya dengan ilmu kita dapat membina tamadun," katanya.

Kejayaan pula katanya, hanya akan dicapai jika budaya kerja cemerlang diamalkan setiap pegawai dan kakitangan sesuatu organisasi.

"Kecemerlangan tidak datang dalam mimpi atau vakum, tetapi natijah selepas bekerja keras dan bersungguh-sungguh dengan matlamat yang jelas dan berprinsip," katanya.

Najib juga berkata, bangsa Melayu wajar berdikari dan melakukan penambahbaikan bagi menghadapi gelombang ekonomi baru yang semakin mencabar.

Katanya, ia memerlukan penyediaan minda baru dan konsep Melayu Global, iaitu Melayu yang berakar nasional dan berakal internasional.

"Kita perlu hebat di kota dan desa, dan kita juga perlu berperanan di serata dunia. Kita mahukan Melayu Global berpaksikan kepada budaya Melayu yang murni dan bertunjang dengan ajaran agama Islam yang suci," katanya.